

Mahkamah lepas, bebaskan lelaki daripada dua tuduhan miliki dadah

KUCHING: Seorang lelaki dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam daripada dua pertuduhan memiliki dadah iaitu 58.97 gram ketamine dan 57.95 gram kanabis, dua tahun lalu.

Hakim Afidah Abdul Rahman membuat keputusan tersebut selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Wilfred Jong Fui Tze, 52, pada akhir kes pendakwaan.

Justeru, mahkamah menetapkan tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan tanpa perlu dipanggil untuk mem-bela diri.



KES SELESAI: Tertuduh (kanan) bercakap dengan peguamnya selesai prosiding kes, semalam.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa memiliki 57.95 gram kanabis dan

dituduh mengikut Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang boleh

dihukum di bawah Seksyen 39A (2) akta sama.

Pertuduhan kedua pula menyaksikan dia didakwa mengikut Seksyen 12(2) ADB dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(3) akta sama kerana memiliki 58.97 gram ketamine.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukannya sekitar jam 7.49 malam pada 13 Julai 2022 di sebuah kondominium di BDC, di sini. Perbicaraan kes yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Azahari itu menyaksikan pihak pendakwaan memanggil tujuh saksi untuk membuktikan kes prima facie.

Tertuduh diwakili peguam Osman Ibrahim.